



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pejabat  
Pendaftar  
UTM  
Kuala Lumpur

## Latar Belakang

Kerajaan telah memutuskan supaya seorang kakitangan yang dilantik ke Perkhidmatan Sektor Awam pada atau selepas 12 April 1991 sebelum disahkan di dalam jawatannya diberikan opsyen dan berhak untuk memilih Skim Pencen atau Skim KWSP.

Kakitangan adalah dinasihatkan untuk membaca Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 2001 sebelum membuat pilihan kerana pilihan tersebut adalah **MUKTAMAD** dan tidak boleh diubah.

## Caruman

Kakitangan yang memilih Skim KWSP disebut sebagai Pekerja Tidak Berpencen Sektor Awam.

Melalui pemilihan Skim KWSP caruman adalah wang yang akan dikreditkan ke akaun individu ahli di KWSP. Amaun tersebut terdiri daripada caruman pekerja dan caruman majikan dan dikira berdasarkan gaji bulanan pekerja. Kadar caruman semasa adalah mengikut upah/gaji bulanan diterima. Bagi pekerja yang menerima upah/gaji bulanan RM5,000 dan ke bawah caruman pekerja sebanyak 11% dipotong daripada gaji bulanan mereka, manakala caruman syer majikan sebanyak 13%. Bagi pekerja yang menerima upah/gaji melebihi RM5,000 caruman pekerja kekal 11% manakala 12% adalah caruman oleh majikan.

Semua caruman bersama kadar faedah tahunan akan dinikmati oleh pencarum apabila tiba masanya.

## Rujukan

1. Akta Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452)
2. Laman Sesawang JPA Pencen  
<http://www.jpapencen.gov.my>
3. Laman Sesawang KWSP  
<http://www.kwsp.gov.my>

**SKIM  
KWSP**

*inovatif · entrepreneurial · global*

Pejabat Pendaftar  
**(BAHAGIAN PENGURUSAN MODAL INSAN)**

Universiti Teknologi Malaysia  
54100 Kuala Lumpur

Tel: 03-26154830  
Fax: 03-26934344

Website : [registrar.utm.my/kualalumpur/](http://registrar.utm.my/kualalumpur/)

**Pejabat Pendaftar**

Bahagian Pengurusan Modal Insan

## Kelebihan Skim KWSP

- i. Caruman KWSP oleh majikan dan pekerja mendapat pelepasan cukai pendapatan.
  - ii. Faedah persaraan
    - Caruman KWSP kerajaan dan faedah atasnya.
    - Caruman KWSP anggota dan faedah atasnya.
    - Wang Gantian Cuti Rehat (GCR)
- Jum Cuti (Gaji Akhir + Imbuhan Tetap)**

GCR =  $\frac{\quad}{30}$
- iii. Skim pengeluaran awal caruman contohnya untuk tujuan pembelian rumah, pengajian anak dan perubatan.
    - 1/4 daripada caruman - umur 50 tahun
    - Penuh - umur 55 tahun
  - iv. Pemberian Bantuan kematian sebanyak RM2,500 sekaligus.
  - v. Pemberian hilang upaya sebanyak RM5,000 sekaligus.
  - vi. Boleh meninggalkan perkhidmatan kerajaan tanpa hilang unsur faedah iaitu pencarum boleh berhenti dari perkhidmatan tanpa tertakluk pada umur persaraan dimana caruman majikan dan caruman pekerja akan menjadi milik pencarum.

## BPKWSP

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memperkenalkan satu sistem SMS yang dipanggil BPKWSP.

Perkhidmatan SMS ini bertujuan membolehkan bekas anggota sektor awam yang bersara di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tanpa menerima pencen memohon Kad Pesara Skim KWSP Kerajaan Malaysia yang melayakkan mereka menerima kemudahan perubatan percuma di institusi perubatan awam kerajaan (iaitu hospital, klinik dan sebagainya) mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Kerajaan atau institusi berkenaan dari semasa ke semasa.

Bagi bekas anggota sektor awam tersebut yang telah meninggal dunia, ahli keluarganya (iaitu balu/duda/anak di bawah 21 tahun) juga boleh menggunakan perkhidmatan SMS ini untuk menyemak kelayakan menerima kemudahan yang sama berasaskan perkhidmatan gemulah (bekas anggota sektor awam tersebut).

## Cara Menggunakan BPKWSP

Berikut adalah cara untuk menggunakan perkhidmatan ini:

1. Pilih "Tulis Mesej"



2. Taip **JPA<langkau>BPKWSP<langkau>NO KP BARU<langkau>NO KP LAMA**

Contoh : **JPA BPKWSP 470829035241 21233421**



3. Hantar ke **15888**



4. Tunggu mesej maklum balas dari Bahagian Pasca Perkhidmatan, iaitu:

**"RM0.20 [Bahagian Pasca Perkhidmatan] Anda akan dihubungi dalam tempoh 24 jam (hari berkerja). Layari [www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my) untuk maklumat lanjut. Terima kasih"**

\* caj RM 0.20 dikenakan setiap sms diterima